



KERJASAMA: Jualang dan delegasi UMS merakamkan gambar bersama pihak SBH Kibing Solar ketika dibawa untuk lawatan tapak.

# UMS perkukuh kerjasama dua hala dengan industri pembuatan

Meterai hasrat kerjasama dengan SBH Kibing Solar New Materials (M)

UB 15.03.2023 P.02

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA) telah mengorak se langkah ke hadapan dalam memperkuuh kerjasama dua hala dengan industri pembuatan di negeri Sabah.

Terbaru, satu hasrat kerjasama telah dimeterai antara UMS dengan SBH Kibing Solar New Materials (M) Sdn. Bhd., syarikat yang memproses panel solar dan merupakan satu pelabur terbesar di Sabah dengan tawaran sebanyak 1,800 peluang pekerjaan pada tahun 2023.

Kerjasama tersebut dimeterai melalui satu sesi mendaftarkan surat niat (LoI) antara kedua-dua pihak dalam satu acara di sini.

Dekan FSSA, Prof. Dr. Jualang Azlan Gansau mewakili UMS menandatangani LoI tersebut, manakala

SBH Kibing Solar diwakili Timbalan Pengarah Pengurusan, Chen Guo.

Majlis pemeteraian tersebut turut disaksikan Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) UMS, Prof. Dr. Coswald Stephen Sipaut; Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Kibing Solar, Yao XinXi; Pengurus Sumber Manusia Kibing Solar, Julia Wang; dan Ketua Pentadbiran FSSA UMS, Aidah Noordin.

Dalam pada itu, Jualang berkata, kerjasama ini bakal menumpukan aspek perkongsian kepakaran dan pembangunan bakat.

"LoI ini akan membuka ruang kepada pelajar dan juga alumni UMS untuk mendapat peluang penempatan pekerjaan di syarikat yang besar dan maju.

"Di samping itu, pertukaran ilmu dalam kalangan staf, penyelidikan baharu

di antara UMS dan pihak Kibing Solar serta perluasan jaringan pelajar dengan pihak industri adalah antara sasaran utama dalam kerjasama ini," katanya.

Beliau menambah, pihak UMS akan mengetengahkan kepakaran yang berkaitan dengan industri pembuatan dan secara tidak langsung mencetuskan idea dalam meneroka bidang kurikulum baharu seperti Sains Bahan.

"Selain itu, UMS juga mendukung keperluan aktiviti sokongan dalam meningkatkan kemahiran pekerja serta aktiviti kemasyarakatan antara kedua-dua pihak.

"UMS melalui Institut Confucius juga akan membantu menawarkan kursus Bahasa Cina dan memberi pendedahan budaya kepada pekerja-pekerja di Kibing yang diambil dalam kalangan masyarakat tempatan," katanya.

Ujar beliau, bagi pihak Kibing Solar pula, hasrat utama mereka adalah untuk membuka lebih banyak peluang pasaran kerja kepada penduduk di Sabah selain penerokaan teknologi baharu dan bersama-sama menyumbang kepada khidmat masyarakat di negeri ini.

Hadir sama pada majlis tersebut Pengarah Institut Confucius, Prof. Dr. Chong Khim Phin; Timbalan Dekan (Akademik dan Antara bangsa) FSSA, Prof. Madya Dr. Darmesah Gabda; Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) FSSA, Prof. Madya Dr. Rodeano Roslee; Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) FSSA, Prof. Madya Dr. Chee Fuei Pien; Timbalan Pengarah, Pusat Kolaborasi dan Libatsama Industri, Dr. Chin Pei Yee; dan wakil Pusat Pengantarabangsaan dan Penglibatan Global, UMS, Arvina Mathew.